



BANTUAN: Jualang (tengah) menyerahkan bakul makanan kepada Tan (dua kanan). Turut kelihatan Nur Iman (kiri), Effa (kanan) dan Mohd Fakrul di Bangunan PKP UMSKAL.

Pelajar UMSKAL ringankan beban 30 keluarga

Oleh Siti Aisyah Narudin
UB 16.07.2021 P. 02

LABUAN: Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) menjayakan Kempen Bantuan Bakul Makanan dengan menyantuni sebanyak 30 keluarga yang terjejas pandemik COVID-19 di sini.

Bantuan berkenaan disampaikan kepada Borneo Martial Art Academy iaitu sebuah badan bukan kera-

jaan (NGO) yang bertanggungjawab menguruskan penyerahan bantuan kepada 30 Ketua Isi Rumah (KIR) berkenaan.

Penyampaian disempurnakan oleh Pengarah UMSKAL Prof. Dr. Jualang Gansau @ Azlan Gansau kepada wakil NGO berkenaan Tan Chee Haw dan disaksikan oleh Ketua Sektor Hal Ehwal Pelajar (HEP) UMSKAL Nuriman Reedzal

di sini baru-baru ini.

Projek Bantuan Bakul Makanan UMSKAL ini diselenggarakan oleh Noreffaizza Jali dari Sektor HEP dengan kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang diketuai Mohd Fakhru Ariffin.

Urus setia bantuan turut mengucapkan jutaan terima kasih kepada para penyumbang dan pihak yang terlibat dalam menjayakan program berkenaan.